

Pasangan panda dapat **nama baharu**

■ NORUTUL ILHAM MAD JARI

HULU KELANG - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan Xiang Xiang yang bermaksud makmur, dan Liang Liang yang bermakna cantik, sebagai nama tempatan bagi panda gergasi jantan Fu Wa dan betina Feng Yi yang dipinjamkan oleh China.

Perdana menteri berkata nama-nama itu dipilih berdasarkan 'Pertandingan Menamakan Pasangan Giant Panda' anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 2012.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena perasmian 'Pusat Konservasi Giant Panda dan Sambutan Ulangtahun ke-50 Zoo Negara' di sini, semalam.

Perdana menteri berkata, Malaysia merupakan negara bertuah kerana tidak semua

negara yang mempunyai hubungan dengan China mendapat hadiah panda ini.

"Saya difahamkan sehingga kini China telah menghantar 23 panda hanya kepada 14 negara sahaja.

"Justeru sudah pasti penghantaran ini sebagai simbol dan lambang persahabatan yang kukuh kedua-dua buah negara sejak zaman dahulu lagi," katanya.

Pasangan panda gergasi yang menjadi simbol hubungan diplomatik 40 tahun antara Malaysia dan China itu tiba di negara ini pada 21 Mei lalu.

Kedua-duanya akan berada di sini untuk sedekad menerusi Program Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi.

Melalui program perjanjian yang ditandatangani pada 2012 itu, Malaysia berpeluang menjalankan penyelidikan konservasi panda

gergasi selain dapat membangun dan melatih kepakar-pakar tempatan.

Kedua-dua haiwan yang masing-masing berusia tujuh tahun itu di kuarantin kira-kira sebulan di tempat khas yang siap dibina di Zoo Negara.

Najib menarik perhatian bahawa projek konservasi panda itu merupakan kerjasama dua hala antara Malaysia dan China, dan ia merupakan penghormatan buat Malaysia selain mencerminkan hubungan erat kedua-dua negara.

Sementara itu, beliau dalam ucapannya turut mengumumkan beberapa kategori golongan yang diberikan keistimewaan untuk melawat pasangan panda berkenaan.

"Kita akan berikan lawatan percuma kepada golongan orang kelainan upaya (OKU), anak-anak yatim daripada rumah kebajikan, warga emas dan kanak-kanak," katanya.



Comel...Najib (dua,kiri) bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor semasa melawat panda betina, Liang-Liang pada Majlis Perasmian Kompleks Panda Zoo Negara di Hulu Kelang, semalam.